



# KOPI PAHIT

Seorang ketua negara dikatakan pernah mengatakan bahawa orang-orang Islam Malaysia dan Indonesia adalah “*jungle Muslim*” (orang-orang Muslim hutan) dan orang-orang Arab adalah “*desert Muslim*” (Muslim padang pasir). Ini adalah merupakan kalimah-kalimah menghina orang-orang Islam, kerana ia pro Yahudi dan gurunya orang Yahudi.

\* \* \*

Islam dan politik – ini adalah pengertian orang Barat hendak memisahkan di antara ajaran Islam dan politik. Ajaran Islam meliputi – ibadah, masyarakat, pemerintahan – semua hukum-hukumnya termaktub di dalam al-Qur’ān. Untuk itu supaya ia berdaulat tentulah tidak dapat dipisah-pisahkan – baik dari semua segi hidup. Orang yang cuba memisahkannya adalah buta agama.

\* \* \*

Islam telah menentukan kedudukan kafir *kitābī* dan kafir *dhimmī* – dengan adil dan cukup layak. Dengan kerana itu mengapakah Islam dimomok-momokkan sebagai agama yang zalim dan tidak dapat bekerjasama dengan orang yang bukan Islam?

\* \* \*

Hidup dan mati seseorang Muslim itu adalah di dalam Islam. Untuk itu, maka diwajibkan ia berjihad untuk menegakkan hukum-hukum agamanya dengan harta dan dirinya. Jika kewajipan ini tidak dibuat, maka moleklah jangan mengaku dahulu jadi pengikutnya.

Persidangan Islam peringkat negeri telah bertukar kepada Persidangan Islam Antarabangsa. Sidang Islam Antarabangsa ini tentunya banyak keputusan yang diambil, tetapi janganlah hendaknya seperti persidangan-persidangan yang telah lalu, keputusan hanya tinggal keputusan sahaja – tidak dilaksanakan. Sebagai tuan rumah Malaysia mesti ingat, bahawa ia mustahak menjalankan keputusan-keputusan yang telah diambil dari persidangan tersebut.

\* \* \*

Perjuangan umat Arab Palestin tidak akan tamat selagi Şahyūnī (Zionis) berada di bumi Palestin. Ini adalah azam umat Palestin bersebab dari paksaan Amerika dan British menyerahkan tanah tumpah darah mereka kepada Şahyūnī dan menyebabkan penderitaan yang bukan alang kepalang kepada mereka sebagai orang-orang pelarian, di dalam mana harta benda mereka telah dirampas. Keadilan Tuhan tetap akan datang, tetapi bila? Yang mestinya wajiblah mereka berazam meneruskan perjuangan sehingga Yahudi keluar dari seluruh tanah Arab.

\* \* \*

Kita kerap kali menyebarkan berita-berita tentang hartawan-hartawan Islam menderma, terutama negeri-negeri yang kaya dengan hasil-hasil minyak. Derma-derma mereka itu melimpah-limpah untuk sesuatu yang bersifat Islam di luar negerinya, tetapi ada di antara negeri di kawasan tanah air kita yang kaya dengan minyak tetapi “bakhil” daripada berderma untuk sesuatu mengenai Islam di luar negerinya. Apakah ia melupakan nikmat yang diberi Allah? Kalau nikmat itu ditarik Tuhan apakah akan jadinya? Kita hanya memberi ingat sahaja!